



## **KELAB BELIA RIBEN MERAH GALAKKAN KOMITMEN BELIA BANTERAS HIV**

---

**Sintok, Kedah, 6hb September 2012** - Majlis AIDS Malaysia (MAM) dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) telah melancarkan Kelab Belia Riben Merah di kampus induk UUM sebagai wadah untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan menyebarkan maklumat yang tepat tentang HIV dan AIDS di kalangan belia. Kelab ini akan diterajui oleh sukarelawan daripada golongan belia dan akan digerakkan secara aktif melalui platform rangkaian sosial. Seramai 100 orang mahasiswa UUM pelbagai jurusan pengajian telah mendaftar sebagai anggota perintis di hari pelancaran kelab berkenaan. .

Kelab Belia Riben Merah merupakan seruan MAM kepada para belia berusia antara 18 dan 40 tahun untuk bertindak dalam menangani penularan HIV yang kian serius di kalangan peringkat umur itu. Golongan belia mencatatkan kes terkumpul jangkitan HIV tertinggi di negara ini. Lebih 76 peratus, atau 69,747 daripada jumlah keseluruhan kes HIV sehingga akhir tahun 2010 adalah di kalangan belia berusia antara 20 dan 39 tahun. Manakala, pada tahun 2011, bagi setiap empat kes baru jangkitan HIV, satu dilaporkan di kalangan orang muda dan belia dalam lingkungan 13 hingga 29 tahun.

Aaron Aziz, Selebriti Sokongan Riben Merah MAM yang juga jurucakap rasmi Kelab Belia Riben Merah berpendapat bahawa penglibatan secara aktif golongan belia dalam respon HIV dapat membuka ruang penyelesaian kepada isu yang berkaitan dengan wabak tersebut.

“ Sebagai golongan yang terdidik, golongan mahasiswa mempunyai tanggungjawab untuk memperbaiki persepsi negatif masyarakat serta membanteras stigma dan diskriminasi terhadap Orang Yang Hidup Dengan HIV, ” ujar beliau ketika ditemui di majlis pelancaran kelab berkenaan.

“ Selain itu, mahasiswa dan golongan belia seharusnya mengamalkan gaya hidup yang sihat dan menjauhkan tingkah laku berisiko yang boleh mendedahkan mereka kepada jangkitan HIV.” tambah beliau lagi.



## **SIARAN AKHBAR**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

“ Professor Ismail Baba, selaku professor dalam bidang kerja sosial di pusat Pengajian Pembangunan Sosial, Kolej Sastera dan Sains UUM pula menegaskan tentang peri pentingnya penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan.

“ Tahap kecemerlangan akademik di universiti haruslah seiring dengan kecemerlangan sahsiah dan peribadi mahasiswa. Penglibatan mereka dalam kerja-kerja kesukarelawanan HIV adalah satu usaha murni yang dapat membantu membentuk peribadi yang positif, selain membantu negara mencapai sasaran “ Sifar Jangkitan HIV Baru,” jelas Professor Ismail yang juga merupakan Timbalan Presiden MAM.

Kempen keanggotaan Kelab Belia Riben Merah kini sedang giat dijalankan secara atas talian. Untuk maklumat lanjut sila layari laman Facebook Kelab Belia Riben Merah di pautan <http://www.facebook.com/RedRibbonYouthClub> dan klik butang “Like”.

[TAMAT]

#### **MAJLIS AIDS MALAYSIA**

Majlis AIDS Malaysia (MAM) ditubuhkan pada tahun 1992 sebagai organisasi ‘payung’ yang bertanggungjawab untuk menyokong dan menyelaraskan usaha-usaha organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berkerja di lapangan HIV/AIDS. MAM menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, untuk memastikan respon terhadap epidemik HIV/AIDS oleh NGO adalah komited dan efektif. Selain melaksanakan program pencegahan, rawatan, jagaan dan sokong bantu HIV di seluruh negara, MAM dan Ahli-Ahli Gabungan bertindak mewakili suara komuniti-komuniti yang terjejas oleh HIV/AIDS. Layari [www.mac.org.my](http://www.mac.org.my) untuk keterangan lanjut.

#### **UNTUK PERTANYAAN LANJUT SILA HUBUNGI JABATAN MEDIA DAN KOMUNIKASI MAJLIS AIDS MALAYSIA**

Azahemy Abdullah | +6016-6464874 | [azahemy@mac.org.my](mailto:azahemy@mac.org.my)

Meera Abi | +6016-4146400 | [meera@mac.org.my](mailto:meera@mac.org.my)